

CIC

Sinar 20/5/2011
MS 2

GERBANG PEMIMPIN MASA DEPAN

Pendekatan pendidikan berkonsepkan Islam
membangunkan pemimpin masa depan



Ruang pembelajaran yang kondusif dan menyenangkan.

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
(tuan.buqhairah@sinarharian.com.my)

Anak adalah kurniaan Allah dan perhiasan dalam kehidupan manusia. Islam sangat memandang berat soal pendidikan kanak-kanak dan memberi hak yang sepatutnya kepada mereka.

Pendidikan adalah salah satu hak yang perlu diberikan ibu bapa kepada anaknya. Dengan ilmu itu, ia membentuk insan cemerlang dan membangunkan bertamadun.

Untuk mendidik anak pada peringkat 'masih rebung', Islam menekankan aspek rohani, jasmani, akhlak dan fizikal. Selaras dengan itu, Children Islamic Centre (CIC) sebagai pusat pendidikan awal kanak-kanak, mempunyai visi untuk melahirkan pemimpin masa hadapan berasaskan Islam tanpa meminggirkan keperluan semasa.

Pegawai Aduan CIC, Sarimah Idris berkata, pusat pendidikan itu yakin dengan pendedahan nilai Islam dan budaya pada peringkat awal usia itu dapat mengekalkan identiti dan jati diri mereka.

"Untuk mencapai matlamat tersebut, kami menyediakan silibus dan modul pembelajaran yang disediakan sendiri oleh

Pengasas CIC Qutren Nada Ahmad," katanya.

Menurutnya, pembelajaran agama dan akademik diseimbangkan selari dengan keadaan semasa. Mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains turut diketengahkan, walaupun CIC menggunakan pendekatan pendidikan Islam terhadap kanak-kanak, tambahnya.

AURA PENGAJAR ISLAM

Sarimah berkata, setiap tenaga pengajar dilatih dan dibimbing menerusi program latihan yang disediakan. Dalam program tersebut, tenaga pengajar diberi tunjuk ajar untuk mengendalikan kanak-kanak dan cara penyampaian ketika mengajar.

"Setiap tenaga pengajar juga digalakkan berfikir positif sebelum memulakan hari kerja, agar aura sebagai seorang Muslim dapat dikongsi bersama kanak-kanak.

"Kami akui aura tenaga pengajar Islam dapat membantu meningkatkan minda pelajar kerana aura tersebut mampu membentuk kanak-kanak ke arah kebaikan," katanya.

Dia memberitahu, pada peringkat asas, pelajar dididik untuk mengamalkan doa



Penyampaian pembelajaran dalam pelbagai mekanisme.

pada setiap perkara yang dilakukan sama ada sebelum atau selepas. Doa menjadi amalan bukan sahaja pelajar, malah tenaga-tenaga pengajar yang berkhidmat di sini.

"Selain itu, untuk mengekalkan peningkatan prestasi kanak-kanak, tenaga pengajar turut dinilai menerusi kunci penunjuk prestasi (KPI).

"Penilaian dibuat setiap bulan dan jika didapati keputusan kurang memuaskan,

tenaga pengajar perlu memperbaiki kelemahan tersebut," katanya.

TEMA SETIAP HARI

Sarimah berkata, CIC memperkenalkan tema pembelajaran setiap hari supaya kanak-kanak lebih kreatif dan cepat belajar dalam pembelajaran mereka.

"Setiap hari, tema yang digunakan



Sinar 20/5/2011 MS 3.

Antara aktiviti diadakan bagi meningkatkan kemahiran kanak-kanak.



Kanak-kanak menunjukkan bakat dalam persembahan pada hari konvokesyen.



APA KATA TENAGA PENGAJAR



Minda kanak-kanak sangat kreatif, jika perhatian dan pendidikan yang baik diberikan, mereka akan membesar dengan baik."



Siti Marina Ahda



Pendidikan kanak-kanak berasaskan Islam merupakan jalan terbaik dalam mendidik mereka."



Salisa Sarkawi

Barisan tenaga pengajar CIC yang gigih dan berdedikasi.



berbeza seperti perayaan, sains dan budaya. Contohnya tema hari ini adalah Hari Guru yang disambut setiap 16 Mei," katanya.

Sebagai amalan, Sarimah berkata, pendekatan 'phonics' dan suku kata digunakan bagi sesi pembacaan, Mental Aritmetik dalam mata pelajaran Matematik, Iqra untuk membaca Al-Quran dan pendekatan tematik untuk sains sosial serta budaya Islam.

Dia menyatakan, kanak-kanak mempunyai pelbagai kerenah dan identiti tersendiri. Ada di antara mereka hiperaktif, pasif dan sederhana.

"Untuk membentuk mereka yang pasif menjadi lebih ceria, tenaga pengajar perlu memainkan peranan mereka agar ketiga-tiga golongan kanak-kanak ini selaras perkembangannya," katanya.

dipastikan tidak menyerap dalam pembentukan rohani anak-anak," kata Sarimah.

Tambahnya, aspek berkomunikasi cukup penting kerana melaluinya kanak-kanak mempunyai keyakinan diri dan mempunyai strategi untuk menang selain memberikan pendedahan awal, keseimbangan spiritual dan akademik.

"Ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting sekali gus dapat menanamkan jati diri kanak-kanak seawal usia bagi



SARIMAH



TRIVIA

- CIC diasaskan oleh Qutren Nada Ahmad pada tahun 1997.
- Mempunyai 26 cawangan di seluruh negara.
- Menekankan konsep pendidikan Islam dan

perkembangannya," katanya.

KEYAKINAN DIRI

Seciranya pelajar tidak mencapai tahap yang dikehendaki, tenaga pengajar menggunakan kata-kata positif untuk mendorong mereka supaya lebih bersemangat dan tidak putus asa.

"Sebenarnya kanak-kanak mudah terpengaruh dengan suasana di sekeliling mereka. Jika baik cara kita mendidiknya, maka baiklah hasilnya

"Tempoh masa kanak-kanak antara usia setahun hingga tujuh tahun merupakan fasa terpenting dan kritikal untuk diberikan tumpuan. Unsur-unsur tidak Islam perlu

kanak-kanak sejak dari usia tiga, merangsang minat dan membentuk jiwa beragama serta ketekunan," katanya.

HALAL DAN BERSIH

Pemakanan yang sihat mempengaruhi minda kanak-kanak. Pemakanan sihat itu termasuklah bahan dan cara penyediaan.

Sarimah menyatakan di CIC, pemakanan berkhasiat dititik beratkan agar kanak-kanak dapat menumpukan pelajaran ketika sesi pembelajaran.

"Bahan mentah dipastikan halal supaya hati para pelajar bersih dan dapat menerima pembelajaran mereka dengan baik. Makanan tidak berkhasiat tidak dibenarkan dan

Hari Sukan CIC 2011.



diberikan kepada kanak-kanak.

"Kanak-kanak telah dilatih sejak awal memasuki CIC agar tidak memakan makanan terproses seperti seperti sosej dan nuget," katanya.

Beliau berkata, untuk melahirkan pemimpin masa hadapan, tenaga pengajar dan ibu bapa perlu memainkan peranan penting bersama, termasuk penyediaan makanan yang halal dan bersih.

Inggeris dwibahasa, juga merangkumi semua aspek sahsiah, moral, agama dan sains.

- Dalam pendidikan kanak-kanak, Islam menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak bukan hanya kelakuan fizikalnya tetapi pemantapan akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan di dalam roh dan jiwanya.
- Dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak.
- Kanak-kanak mempelajari apa sahaja yang ada di persekitaran dan dengan 'ilmu' atau kemahiran yang diperoleh, mereka akan mengaplikasikannya sebagai persediaan untuk kehidupan.



tenaga pengajar CIC.